



# **GARIS PANDUAN BINAAN TEMPAT LETAK KENDERAAN TERBUKA BERBUMBUNG YANG MELEPASI GARISAN BANGUNAN DAN GARISAN ANJAKAN BAGI BANGUNAN KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT DI KAWASAN SEBERANG PERAI**

(Diluluskan oleh Majlis Penuh Bil 566 (Bil. 8/2021) pada 24 Ogos 2021)

# **GARIS PANDUAN BINAAN TEMPAT LETAK KENDERAAN TERBUKA BERBUMBUNG YANG MELEPASI GARISAN BANGUNAN DAN GARISAN ANJAKAN BAGI BANGUNAN KEDIAMAN BERBILANG TINGKAT DI KAWASAN SEBERANG PERAI**

## **1.0 TUJUAN**

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan kelulusan kepada permohonan pelan bangunan binaan tempat letak kenderaan terbuka berbumbung melepas garisan bangunan dan garisan anjakan bagi bangunan kediaman berbilang tingkat di kawasan Seberang Perai

## **2.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini hanyalah sah digunakan untuk Majlis Bandaraya Seberang Perai sahaja.

## **3.0 KATEGORI KEGUNAAN BANGUNAN YANG TERLIBAT**

Semua jenis bangunan kediaman berbilang tingkat sahaja

## **4.0 SYARAT - SYARAT YANG PERLU DIPATUHI**

- 4.1 Pemohon perlu mengemukakan Pelan Bangunan melalui Arkitek Berdaftar / Jurutera Perunding untuk pertimbangan Majlis.
- 4.2 Jurutera Perunding hendaklah mengesahkan kestabilan struktur
- 4.3 Struktur binaan tidak boleh menghalang laluan dan tempat letak kenderaan dan hendaklah bebas dari sebarang sekatan-sekatan. Bagi binaan tempat letak kereta berbumbung tiada binaan lain dibenarkan selari dengan tiang bagi bumbung sahaja.
- 4.4 Pembinaan tempat letak kereta terbuka berbumbung ini tidak boleh menimbulkan kacau ganggu kepada lot bersebelahan.
- 4.5 Ketinggian maksima yang dibenarkan adalah 3.5 meter.
- 4.6 Ruang tempat letak kenderaan hendaklah dikekalkan dan tidak dibenarkan dijadikan sebagai ruang lain.


- 4.7 Ruang di bawah bumbung hendaklah bebas dari sebarang sekatan-sekatan.Pembinaan sebarang struktur selain dari tiang bagi bumbung tidak dibenarkan.
- 4.8 Talang (gutter) dan saluran tegak (downpipe) yang sempurna hendaklah disediakan jika bumbung mencuram ke arah lot sempadan tanpa setback minimum 750mm daripada sempadan lot. (seperti Lampiran B1,B2)


## **5.0 BATASAN PEMBINAAN**

- 5.1 Majlis berhak untuk tidak mempertimbangkan permohonan yang dikemukakan ini berdasarkan kepada Undang-undang / Garis Panduan sediada.


## **6.0 TARIKH PELAKSANAAN**

1 September 2021





ILUSTRASI BINAAN TEMPAT LETAK KENDERAAN TERBUKA BERBUMBUNG  
( ADA GUTTER )



ILUSTRASI BINAAN TEMPAT LETAK KENDERAAN TERBUKA BERBUMBUNG  
( TANPA GUTTER )

- [Green dashed line box] GARISAN BANGUNAN
- [Blue dashed line box] GARISAN SEMPADAN
- [Red dashed line box] RUANG KELEGAAN